

BANGGA...dari kiri, Ruziha, Wan Mohd Fazrul dan Norzilawaty menunjukkan anugerah yang diterima selepas majlis Konvokesyen Kedua KUIM, kelmarin. - Gambar YAHYA ZAIN



Oleh Norhayati Nordin
yati@hmetro.com.my

BANGI: Tiga penerima anugerah terbaik Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) membuktikan bergiat aktif dalam kegiatan sukan dan kokurikulum bukan penghalang kepada mereka bergelar graduan cemerlang.

Yang penting ialah kebijaksanaan mengatur masa antara tumpuan pada pelajaran dan kokurikulum bagi memastikan tidak tercicir dalam setiap kuliah serta perbincangan berkumpulan.

Penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, 23, berkata untuk menjadi cemerlang tumpuan tidak seharusnya diberikan kepada pelajaran semata-mata tanpa menyertai aktiviti kokurikulum.

"Sebagai pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), saya menyifatkan kedua-duanya penting diberi tumpuan kerana ia mampu memberi keseimbangan terhadap pencapaian fizikal serta mental sebelum mencipta kejayaan.

"Justeru, dakwaan aktif dalam kokurikulum akan membuatkan pelajar mengabaikan pelajaran tidak benar kerana semuanya bergantung pada kehendak dan pembahagian masa yang betul," katanya selepas majlis Konvokesyen Kedua KUIM, dekat sini, kelmarin.

Menurut graduan Sarjana

PERLU BIJAK ATUR MASA

Aktif dalam sukan dan kokurikulum bukan penghalang jadi graduan cemerlang KUIM

Muda Dakwah dan Pengurusan Islam itu, kunci ke arah semua kejayaan dimilikinya terletak pada pembahagian masa betul terutama untuk mengekalkan prestasi sebagai pelajar cemerlang menerima Anugerah Dekan setiap semester.

"Saya tidak pernah merasak beban antara kepentingan pelajaran dan menyertai kegiatan kokurikulum di universiti kerana yakin sekiranya kita bijak mengatur masa dengan baik pasti tiada sebarang masalah.

"Akhirnya, dengan kejayaan ini nampaknya segala usaha saya selama tiga tahun di KUIM mencapai matlamat," katanya yang aktif dalam Persatuan Pembimbing Rakan Universiti dan pemain utama pasukan sepak takraw KUIM. Anugerah Pelajaran Diraja

yang diterima Wan Mohd Fazrul adalah anugerah tertinggi KUIM selepas kejayaannya mengekalkan kecemerlangan selama enam semester menerima Anugerah Dekan biarpun aktif dalam kokurikulum.

Terdahulu, majlis konvokesyen itu disempurnakan Canselor KUIM, Tuanku Najihah Binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin yang menyampaikan ijazah kepada 529 pelajar di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengerusi KUIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Md Noor dan Rektor KUIM, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

Sementara itu, penerima Anugerah Canselor, Ruziha Mamat, 24, berkata aktif da-

lam kokurikulum tidak menghalang pelajar cemerlang akademik.

"Yang penting tahu apa dilakukan dan mendahulukan perkara penting, saya yakin kejayaan menanti terutama apabila ia dilengkapkan dengan usaha dan doa," kata graduan Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah.

Bagi penerima Pingat Emas Rektor, Norlizawaty Tumin, 25, berkata kejayaan yang diperolehinya itu dipengaruhi oleh latar belakang keluarganya yang berasal dari kampung di Sabak Bernam.

Graduan Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman itu, berkata ibu bapanya sentiasa mengingatkan supaya tekun belajar kerana mereka keluarga susah, orang kampung dan tidak berpelajaran.